

Cabaran Pembelajaran dan Pengajaran dalam Talian (PdPDT): Kajian Sorotan Literatur Bersistematik

Abdul Fattah Hamden^{1,*}

Unit Pengajian Am, Politeknik METrO Betong, 1-12, Phase 2, Bandar Baru Jalan Baru, 95700
Betong, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: abdul.fattah@pmbs.edu.my

Abstrak

Penularan pandemik Covid-19 telah memberi implikasi yang cukup besar terhadap semua sektor di Malaysia termasuk sektor pendidikan. Bagi mengekang wabak ini terus tersebar, institusi pendidikan terpaksa mengubah norma pendidikan secara drastik dari pembelajaran secara bersemuka kepada Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian (PdPDT). Pelaksanaan PdPDT ini telah memberikan cabaran kepada pelajar dan para pengajar. Tujuan sorotan literatur bersistematik ini dibuat adalah bagi mengenalpasti cabaran yang dihadapi pelajar dan para pengajar dalam melaksanakan PdPDT. Tinjauan ke atas artikel dibuat antara tahun terbitan 2017-2021 dengan menggunakan carta alir *Preferred Reporting Items for Systematic reviews and Meta-Analyses (PRISMA)* dan data diambil daripada dua pengkalan data iaitu *emerald insight* dan *Google Scholar*. Antara cabaran kepada pelajar dalam pelaksanaan PdPDT adalah capaian internet yang lemah, persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif dan kesediaan melaksanakan PdPDT. Manakala cabaran yang dihadapi oleh para pengajar pula adalah pemilihan platform yang sesuai dan penyediaan bahan untuk PdPDT untuk pelajar.

Kata kunci: - cabaran, PdPDT, pelaksanaan, pendidikan

1. Pengenalan

Penghujung Februari 2020 telah menyaksikan penularan wabak berjangkit yang dikenali sebagai coronavirus atau singkatannya Covid-19. Pandemik ini telah melanda hampir seluruh negara dalam dunia ini dan tidak terkecuali negara kita. Pandemik COVID-19 telah mencipta lanskap baharu dalam rutin kehidupan manusia di seluruh dunia. Menurut kajian yang dilakukan oleh Yunus dan Rezki (2020) menyatakan bahawa tahun 2020 merupakan tahun yang mengkhawatirkan seluruh negara. Keadaan ini disebabkan kemunculan wabak Corona virus, yang bermula dari Kota Wuhan China, dan terus tersebar ke seluruh penjuru dunia. Antara cara bagi mencegah penularan virus COVID-19 adalah dengan melaksanakan pola hidup yang bersih dan sihat, melakukan penjarakan sosial dan penjarakan fizikal untuk memutuskan rantaian penyebaran virus ini (Wati et al., 2020).

Kesan daripada ini telah memperlihatkan tekanan dan implikasi yang hebat buat institusi pendidikan di Malaysia. Pembelajaran yang dahulunya hanya berlaku secara bersemuka di bilik darjah telah berubah dengan menggunakan medium dalam talian. Menurut Hakim et al. (2018), kaedah PdP menggunakan teknologi lebih diminati kerana penyampaian adalah secara interaktif, realiti, inovatif dan eksplorasi serta boleh diakses di mana-mana sahaja. Selain itu, menurut pandangan Aung dan Khaing (2016) PdPDT membolehkan para tenaga pengajar untuk menyampaikan pengajaran

dan pengetahuan kepada pelajar dalam jumlah yang besar tanpa terikat dengan ruang dan masa yang terhad.

Seiring dengan penerimaan tersebut, kesediaan pelajar dan para pengajar dilihat sebagai kelompok yang wajar diberi tumpuan. Pengaplikasian kemahiran teknologi perlulah seimbang dengan sasaran pendidikan yang holistik. Aspek yang ditekankan merangkumi perancangan, kaedah pedagogi yang sesuai dan tersusun dalam usaha meningkatkan kecemerlangan pelajar (Tamuri et al., 2012). Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar dan para pengajar dalam melaksanakan proses PdPDT bagi mendepani dalam dunia pendidikan yang dilaksanakan secara norma baharu.

2. Kajian Lepas

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan berkenaan PdPDT ditemui. Kajian oleh Yusof dan Hassan (2019) merumuskan definisi PdPDT atau e-Pembelajaran adalah kaedah pengajaran menjerus kepada penggunaan media elektronik serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk mewujudkan pembelajaran yang bersifat terbuka, fleksibel dan menyeluruh.

Kajian Azuara et al. (2021) yang bertajuk "Kebekesanan Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian (e-Pembelajaran) terhadap pembelajaran pelajar di Kolej Komuniti Hulu

Langat” yang membincangkan PdPDT terhadap 229 pelajar KKKHL. Pengkaji juga melihat tahap keberkesanan dan halangan yang dihadapi oleh mereka. Walaupun hasil kajian menunjukkan tahap keberkesanan adalah tinggi namun terdapat halangan yang dihadapi oleh pelajar yang perlu diambil tindakan segera agar keberkesanan pembelajaran dan pengajaran dapat dipertingkatkan lagi.

Seterusnya satu kajian berkaitan “Kesedaran, Penilaian dan Penerimaan e-Pembelajaran dalam Kalangan Ahli Akademik” yang dilakukan oleh Omar dan Ahmad (2009) adalah bagi melihat kesediaan ahli akademik menerima e-pembelajaran dalam aktiviti pengajaran mereka dan turut mengkaji faktor-faktor yang menjadi pengaruh penerimaan atau penolakan kepada kaedah ini untuk dilaksanakan. Hasil kajian juga mendapati penerimaan responden terhadap penggunaan e-pembelajaran adalah tinggi kerana majoriti responden memahami keseluruhan kaedah menggunakan teknologi dan pengajaran secara maya dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran.

Dalam kajian Surani dan Hamidah (2020) yang bertajuk “*Students Perceptions in Online Class Learning During the Covid-19 Pandemic*” pula telah membincangkan tentang persepsi pelajar terhadap pembelajaran dalam talian di Universiti Bina Bangsa, Serang, Indonesia. Hasil kajian telah mendapati 80% responden bersedia untuk mengikuti pembelajaran dalam talian. Namun demikian, terdapat 62% responden menyatakan pembelajaran dalam talian memberi kebaikan dan 32% responden menyatakan kesukaran yang terpaksa dihadapi semasa mengikuti pembelajaran dalam talian iaitu untuk memahami sesuatu topik pembelajaran dengan lebih mendalam. Secara keseluruhannya penyelidik merumuskan pelaksanaan pembelajaran dalam talian perlu dirancang, dilaksanakan dan dinilai keberkesanannya dalam usaha untuk mengurangkan halangan dan masalah yang dihadapi dan pada masa yang sama untuk memaksimumkan pencapaian hasil pembelajaran.

Menurut Yusof dan Tahir (2017) yang melihat kepentingan dan keperluan penggunaan teknologi semasa pembelajaran. Kajian mendapati bahawa perkembangan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi telah membantu para pengajar dan pelajar dalam melaksanakan proses pembelajaran dan pengajaran yang lebih berkesan dan interaktif. Kerancangan penggunaan teknologi ini juga memberi pelbagai impak yang dapat dilihat daripada para pelajar mahupun tenaga pengajar. Namun demikian, pelbagai cabaran perlu diatasi bagi memastikan PdPDT yang dijalankan adalah lancar serta mencapai objektif pembelajaran. Justeru, kajian sorotan literature bersistematik ini

akan berusaha untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar dan para pengajar secara lansung mahupun tidak lansung berdasarkan kajian penyelidikan sebelumnya.

3. Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan Kaedah Tinjauan Literatur Sistematis. Dua enjin carian yang telah digunakan untuk memilih artikel dan jurnal yang berkaitan dengan tujuan tinjauan sistematik ini adalah *emerald insight* dan *Google Scholar*. Carian telah dibuat dalam 5 tahun terkini iaitu 2017-2021. Menurut kajian Moher et al. (2009) menyatakan bahawa dengan menggunakan sorotan literatur secara bersistematik akan memperolehi kajian yang meluas, meningkatkan ketelusan dan menekankan kepentingan bukti empirikal. Prosedur dalam kajian ini telah diringkaskan menggunakan carta alir *Preferred Reporting Items for Systematic reviews and Meta-Analyses (PRISMA)*. PRISMA merupakan piawaian yang diterbitkan untuk menjadi panduan kepada penyelidik dengan maklumat yang berkaitan dan diperlukan (Shaffril et al., 2019). 4 proses PRISMA ialah pengenalpastian (*identification*), pemeriksaan (*screening*), kelayakan (*eligibility*) dan terpilih (*inclusion*). Ia digunakan untuk mewujudkan gambaran keseluruhan yang sistematik, tepat dan boleh dipercayai (Gilath dan Karantzias, 2019).

3.1 Pengenalpastian (*identification*)

Artikel dan jurnal diperolehi melalui pangkalan data *emerald insight* dan *Google scholar*. Kata kunci “Pembelajaran dan Pengajaran dalam Talian” (cabaran dan kesediaan) dalam Bahasa Melayu serta “*Online Learning*” (*challenges* dan *readiness*) dalam Bahasa Inggeris telah digunakan untuk tujuan data. Hasilnya terdapat 881 buah artikel dan jurnal yang dicapai pada peringkat ini yang telah disenaraikan pada carta 1.

3.2 Pemeriksaan (*screening*)


Artikel dan jurnal yang dipilih adalah kriteria yang telah ditetapkan oleh penyelidik sahaja. Artikel berkenaan hendaklah yang menyentuh berkaitan PdPDT dan cabaran serta kesediaan. Artikel yang dipilih juga adalah kajian empirikal sahaja. Manakala jika terdapat artikel atau jurnal yang berulang dalam kedua-dua pangkalan data maka artikel dan jurnal tersebut akan disisihkan juga yang telah disenaraikan pada carta 1. Analisis dibuat melalui pembacaan tajuk dan abstrak masing-masing. Setelah melakukan saringan 48 artikel dipilih.

3.3 Kelayakan (eligibility)

Terdapat 48 buah artikel ini disaring semula dengan pembacaan terhadap tajuk dan abstrak kajian. Manakala metodologi, dapatan dan perbincangan kajian turut dianalisis untuk memastikan artikel-artikel tersebut menepati kriteria pemilihan dan bersesuaian dengan objektif kajian. Kemudian, sejumlah 27 buah artikel telah dibuang pada peringkat ini kerana tidak menghuraikan cabaran PdPDT. Artikel yang tidak dipilih juga disebabkan tidak memaparkan dan membincangkan data-data hasil dapatan dengan jelas dalam bahagian dapatan kajian serta fokus kajian lebih menjurus kepada pembinaan model.

3.4 Terpilih (inclusion)

Akhirnya, hanya terdapat 21 buah artikel yang berbaki dan memenuhi kriteria pemilihan yang ditetapkan dalam kajian ini (Jadual 1).



Rajah 1: Carta alir PRISMA

4. Perbincangan dan Analisis

Berdasarkan skop kajian, bahagian ini mengandungi perbincangan dan huraian mengenai

cabaran yang dihadapi semasa PdPDT. Terdapat beberapa cabaran yang telah dihadapi oleh pelajar dan para pengajar dalam melaksanakan PdPDT. Berdasarkan sorotan literatur yang telah dipilih menggunakan carta alir *Preferred Reporting Items for Systematic reviews and Meta-Analyses (PRISMA)*, antara cabaran tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 1: Senarai artikel dipilih.

Bil	Penulis	Sinopsis Isu
1	Norfarahi et al. (2020)	Isu dan Cabaran Penggunaan MOOC dalam Proses PdP.
2	Norazman et al. (2020)	Covid-19, Isu dan Solusi Pelaksanaan PdP dalam talian.
3	Bahrom (2020)	Pedagogi Norma Baharu: Cabaran dan Hikmah.
4	Amir et al. (2018)	Cabaran Mahasiswa dan Kolej Kediaman Mendepani Industri 4.0
5	Mohamad (2021)	Cabaran Pedagogi Norma Baharu di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS)
6	Dedeh (2021)	Gejala Kejenuhan Belajar Siswa Pada Proses Belajar Online
7	Baharum et al. (2020)	Persepsi Pelajar (BAL11023) terhadap PdPDT
8	Hin (2020)	Interaksi tidak bersemuka
9	Aziz (2020)	Pembelajaran Atas Talian: Tinjauan terhadap kesediaan dan motivasi dalam kalangan Pelajar
10	Chear dan Nor (2020)	Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta
11	Shivangi et al. (2020)	<i>Systematic research of e-Learning platforms for solving challenges</i>
12	Surani dan Hamidah (2020)	<i>Students Perceptions in Online Class Learning During the Covid-19 Pandemic</i>
13	Azuara et al. (2021)	Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian (e-

		Pembelajaran)
14	Husin (2021)	Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian dalam Kalangan Pelajar sarjana Muda Pengajian Bahasa Al-Quran, KUIS
15	Amani dan Umi (2020)	Penerimaan Pelajar Terhadap Penggunaan <i>Microsoft Teams</i> Sebagai Platform Pembelajaran
16	Rulbani et al. (2017)	Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah
17	Nurbaizura dan Nurfaradilla (2020)	Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran Dalam Talian
18	Akhiruddin (2020)	Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Interaksi Pensyarah
19	Yusof et al. (2020)	Isu dan Cabaran Kualiti Penyampaian
20	Aggilanda dan Fadhilah (2018)	Penggunaan Teknologi LMS
21	Ahmad (2020)	Maklum Balas Pelajar Terhadap Pembelajaran Menggunakan <i>Microsoft Teams</i>

a) Capaian Internet Yang Lemah

Liputan internet atau wifi adalah fasiliti utama yang diperlukan oleh pelajar sepanjang PdPDT berlangsung (Norfarahi, 2020). Namun demikian, tidak semua pelajar mempunyai capaian internet yang memuaskan terutamanya pelajar yang tinggal di kawasan kampung dan pendalaman. Kebanyakan pelajar juga adalah terdiri daripada golongan B40 dan M40 (Norazman, 2020). Pembelajaran menggunakan aplikasi seperti *google meet* dan *whatapps* juga bukan menjadi pilihan utama (Bahrom, 2020). Disebabkan capaian internet yang lemah ini juga, pelajar tidak dapat memuat turun segala bahan pengajaran yang telah dibekalkan oleh pensyarah. Keadaan ini juga menyebabkan pelajar tidak dapat mengikuti sesi pembelajaran yang telah dijadualkan. Kelemahan internet juga akan mengakibatkan sesi PdPDT akan terputus dan tersekat sehingga menyebabkan komunikasi antara pelajar dan pensyarah tidak berlangsung dengan baik (Rushlin, 2018). Hal ini menyebabkan mereka banyak ketinggalan dari segi pemahaman dan menguasai sesuatu topik pelajaran yang diambil (Mohamad, 2021).

b) Persekitaran Pembelajaran Yang Tidak Kondusif

Suasana pembelajaran merupakan satu elemen penting yang perlu diberi perhatian dalam usaha meningkatkan keberhasilan pelajar (Ristina, 2010). Menurut Fraser (1998), persekitaran pembelajaran yang kondusif akan menggalakan aktiviti intelektual, menggalakan persahabatan, kerjasama dan sokongan disamping menggalakan pembelajaran, pertumbuhan dan perkembangan pelajar. Berbeza dengan PdPDT, antara cabaran yang terpaksa dihadapi adalah suasana persekitaran yang bising, ruang belajar yang tidak selesa sehingga menyebabkan mereka sukar untuk memberi tumpuan ketika sesi kelas secara maya (Dedeh, 2021). Pelajar juga tidak dapat fokus terhadap PdPDT kerana mempunyai tugas lain yang perlu dilakukan serta diganggu oleh adik-beradik yang masih kecil semasa pembelajaran (Baharum, 2020). PdPDT juga menyebabkan aktiviti atau tugas yang memerlukan perbincangan secara berkumpulan sukar untuk dilaksanakan (Hin, 2020). Pelajar juga berpandangan mengalami kesukaran untuk melaksanakan tugas berkumpulan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian disebabkan faktor fizikal dan jarak yang berbeza-beza. Ini dibuktikan dengan 39% pelajar sangat bersetuju dan menyatakan kebimbangan kerana faktor ini membuka peluang kepada pelajar untuk mengambil kesempatan atas kelemahan rakan yang lain, 30% lagi bersetuju, 28% tidak pasti dan 3% tidak bersetuju (Husin, 2021).

c) Aspek Kesediaan Pelajar

Menurut kajian yang dilakukan oleh Zaidatun (2006), kesediaan pelajar adalah berkaitan dengan faktor-faktor yang merangkumi sikap, kecekilan dan kemudahan komputer. Disebabkan kurang mahir dalam mengendalikannya peranti dan mengaplikasikan teknologi, pelajar lebih memilih kelas secara konvensional (Fren dan Daniel, 2010). Perkara ini disokong oleh beberapa kajian yang mendapati tahap kesediaan pelajar terhadap pembelajaran secara dalam talian adalah pada tahap belum bersedia sepenuhnya (Johari dan Norbaizura, 2010; Norliza, 2013 dan Aziz, 2020).

Disamping itu, cabaran yang turut dihadapi oleh pensyarah semasa kelas secara PdPDT pula adalah seperti berikut:

d) Pemilihan Platform Yang Sesuai

Dalam negara dilanda wabak pandemik COVID19, penggunaan teknologi web 2.0 secara berleluasa amat penting demi membendung

penyebaran wabak. Antara web 2.0 yang dapat diaplikasikan dalam sistem PdPdT adalah seperti *Microsoftteam, Bigbluebutton, Google drive, google classroom, Webex, Animaker, SurveyMonkey, Genial*, dan banyak lagi Pemilihan platform atau aplikasi ini amat penting untuk PdPDT. Kelas virtual akan terganggu jika pelajar dan pengajar tidak mahir menggunakan platform atau aplikasi yang telah dipilih (Shivangi et al., 2020). Ini juga akan menyebabkan halangan gaya pembelajaran pembelajaran yang merujuk kepada kelesaan pelajar terhadap teknologi dan menyesuaikan e-Pembelajaran sebagai gaya pembelajarannya (Azura et al., 2021). Antara kaedah yang telah digunakan adalah seperti kajian (Chear dan Nor, 2020) yang bertujuan meneroka kesediaan dan keupayaan pelajar mengikuti pembelajaran melalui platform *WhatsApp* dan *Telegram* dan meninjau sama ada ia membantu pelajar menguasai hasil pembelajaran. Hasil kajian, secara amnya pelajar masih belum terdedah kepada aplikasi sebagai PdPDT. Tahap penerimaan pelajar adalah masih pada tahap sederhana walaupun ini adalah antara kaedah yang paling mudah dalam melaksanakannya. Selain itu, pengetahuan dan kemahiran pelajar tentang penggunaan Microsoft Teams secara berkesan dan maksimum masih berada di tahap yang sederhana (Amani dan Umi, 2020 dan Ahmad, 2020).

e) *Penyediaan Bahan Untuk PdPDT*

Bagi kaedah PdPDT ini, para pengajar mempunyai kekangan masa dalam penyediaan bahan pdp (Mazelan et al., 2020). Selain itu, Penyeliaan pentafsiran pelajar yang penting juga terjejas. Berlakunya penipuan dan tidak amanah ketika melaksanakan ujian dan tugas dalam talian juga menjadi cabaran utama para pendidik disebabkan kepercayaan adalah terletak 100% kepada pelajar (Aggilanda dan Fadhillah., 2018). Manakala terdapat juga kualiti aplikasi perlu dipertingkatkan seperti aspek capaian CIDOS yang perlahan dan juga aspek kemesraan CIDOS terhadap pengguna sehingga menyebabkan beberapa bahan tidak sesuai dimuat naik (Shah, 2017). Pensyarah juga sukar untuk mengadaptasi kemahiran pelajar bersesuaian dengan perubahan teknologi semasa serta keperluan industri (Yusof et al., 2020).

5. Kesimpulan

Norma baharu pembelajaran dan pengajaran dalam talian adalah merupakan satu kaedah yang dapat membantu para pengajar untuk melaksanakan proses pembelajaran dalam pandemik ini. Walaupun terdapat kekangan yang terpaksa dihadapi, sebenarnya PdPDT mampu untuk

mencapai keberkesanan yang tinggi serta menyediakan peluang kepada generasi baharu dengan aktiviti pembelajaran dan komunikasi yang berasaskan teknologi.

Komitmen serta kerjasama daripada semua pihak termasuk pihak pengurusan organisasi, para pengajar mahupun pelajar amat diperlukan bagi sama-sama menjamin keberkesanan pembelajaran dan pengajaran dalam talian. Kemudahan asas dalam melaksanakan PdPDT ini seperti capaian internet, komputer dan alat peranti yang lain telah memberi peluang kepada semua pihak untuk meneruskan aktiviti pembelajaran dan pengajaran tanpa perlu bersemuka.

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu mana-mana pihak yang berkenaan bagi mengambil kira keperluan pelajar dan para pengajar dalam meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi baharu yang diperlukan untuk melaksanakan sistem pendidikan di Malaysia.

Rujukan

- Ahmad, S. S. (2020). Kajian Maklum Balas Pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan Terhadap Pembelajaran Secara Dalam Talian Menggunakan Microsoft Teams Di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(4), 391-406.
- Alias, N., Hasin, A., & Daud, Z. (2020). Covid-19: Isu Dan Solusi Pelaksanaan Pdp Dalam Talian Bagi Kursus Hifz Al-Quran Iv Di USIM.
- Amir, R., Bunawan, H., & Yahaya, M. F. (2018). Cabaran Mahasiswa dan Kolej Kediaman Mendepani Revolusi Industri 4.0. *Prosiding Konvensyen Kepengetuaan dan Felo Penghuni Kolej Kediaman Universiti Awam Kebangsaan*, 24-29.
- Aung, T. N., & Khaing, S. S. (2015, August). Challenges of implementing e-learning in developing countries: A review. In *International Conference on Genetic and Evolutionary Computing* (pp. 405-411). Springer, Cham.
- Azura, S., Abidin, S. Z., & Hassan, Z. (2021). Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran dalam Talian (e-Pembelajaran) terhadap Pembelajaran Pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 10(2), 1-14.
- Baharum, A. S., Nathin, K. A. M., & Nawi, A. (2020). Persepsi Pelajar Sorof (BA11023) Terhadap Pembelajaran dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP): Satu Tinjauan. *International Seminar*

- on Islam and Science 2020.*
- Bahrom, Z. (2020). Pedagogi norma baharu: cabaran dan hikmah. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, (JILID III).
- Chear, S. L. S., & Nor, M. Y. M. (2020). Intervensi pembelajaran di portal e-pembelajaran melalui aplikasi WhatsApp dan Telegram berdasarkan model lima fasa Needham. *Evaluation Studies in Social Sciences*, 9(1), 11-27.
- Fraser, B. J. (1998). Classroom environment instruments: Development, validity and applications. *Learning environments research*, 1(1), 7-34.
- Gillath, O., & Karantzas, G. (2019). Attachment security priming: A systematic review. *Current opinion in psychology*, 25, 86-95.
- Hin, K. K. (2020). Interaksi Tidak Bersemuka Dan Perintah Kawalan Pergerakan Wabak Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 202-211.
- Husin, N. (2021). Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian dalam Kalangan Pelajar Program Sarjana Muda Pengajian Bahasa Al-Quran, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis). *Jurnal Pengajian Islam*, 106-120.
- Kurnia, D. (2021). Dinamika Gejala Kejenuhan Belajar Siswa Pada Proses Belajar Online Faktor Faktor Yang Melatarbelakangi Dan Implikasinya Pada Layanan Bimbingan Keluarga. *Teaching: Jurnal Inovasi Keguruan Dan Ilmu Pendidikan*, 1(1), 1-10.
- Majid, A. H. A., Mkhitar, M., & Shamsuddin, S. N. W. (2018). Keperluan Pembelajaran Berasaskan Realiti Maya dalam Konstruksi Pemasangan Komponen Komputer Mata Pelajaran TMK SPM Pendidikan Di Malaysia: Satu Kajian Rintis. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 28–44.
- Mazelan, N. A. H., Isa, N. M., & Abidin, M. Z. (2020). Cabaran e-Learning dalam PdPDT dan Kepentingan Aplikasi Web 2.0 di Kalangan Pensyarah Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti. *National Learning Talk 2020 Let's Talk: Teaching and Learning Online, the New Norm in Higher Education Learning System*.
- Mohamad, N. M. (2021). Cabaran Pedagogi Norma Baharu di Kolej Universiti Islam Perlis (Kuips) Ketika Pandemik Wabak Koronavirus Covid-19. *Jurnal Pengajian Islam*, 243-254.
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D. G., & Prisma Group. (2009). Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: the PRISMA statement. *PLoS medicine*, 6(7), e1000097.
- Murthy, A. E., & Mat Yamin, F. (2018). Penggunaan teknologi LMS dalam kalangan pelajar dan pensyarah di universiti awam menggunakan pendekatan ECT. *Seminar Kebangsaan Transformasi Sosio-Ekonomi Wilayah Utara ke-3*.
- Nawii, A., & Hamidaton, U. (2020). Penerimaan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Terhadap Penggunaan Microsoft Teams Sebagai Platform Pembelajaran–Satu Tinjauan. *E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2020)*.
- Omar, R., & Ahmad, J. H. (2009). Kesedaran, Penilaian dan Penerimaan e-Pembelajaran dalam Kalangan Ahli Akademik (Awareness, Evaluation and Acceptance of e-Learning Among The University's Academic Staff). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 34(1), 155-172.
- Ristina. (2010). *Pengaruh Suasana Kondusif Dalam Pembelajaran Terhadap Prestasi Belajar Fiqih Siswa Im*. Master Dissertation.
- Shaffril, H. A. M. (2018). *Tips dan Teknik Penulisan Artikel Jurnal Systematic Review: Mari Bertateh Koleksi Infografik*. Diakses September 10, 2021, daripada <https://prezi.com/p/4sh9o4lzchkn/pengenalan-kepada-slr/>.
- Surani, D., & Hamidah, H. (2020). Students perceptions in online class learning during the Covid-19 pandemic. *International Journal on Advanced Science, Education, and Religion*, 3(3), 83-95.
- Tamuri, A. H., Ismail, M. F., & Jasmi, K. A. (2012). Komponen Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam [Basic Components for Islamic Education Teacher Training]. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 53-63.
- Wati, N. K. C., Sukraandini, N. K., Mirayanti, N. K., Candrawati, S. A. K., & Putri, N. L. N. D. D. (2020). Tingkatkan Pengetahuan dan Kesedaran Masyarakat Dalam Memutus Rantai Penularan Virus Covid-19 Di Wilayah Desa Tumbu Karangasem. *Journal of Community Engagement in Health*, 3(2), 147-150.
- Yunus, N. R., & Rezki, A. (2020). Kebijakan pemberlakuan lock down sebagai antisipasi penyebaran corona virus Covid-19. *Salam: Jurnal Sosial dan Budaya Syar-i*, 7(3), 227-238.
- Yusof, M. H. M., Arsat, M., Amin, N. F., & Latif, A. A. (2020). Issue and Challenge for Vocational Teaching Quality in the Vocational College Lecturers: A Systematic Review/Isu dan Cabaran Kualiti Penyampaian Pengajaran Bidang Vokasional dalam Kalangan Pensyarah

Kolej Vokasional: Satu Ulasan
Sistematik. *Sains Humanika*, 12(2-2).

Yusof, M. M., & Hassan, H. (2019). Kaedah e-pembelajaran semasa menjalani latihan industri dalam kalangan pelajar politeknik di Malaysia. *International Journal of Humanities*

Technology and Civilization, 1, 49-59.

Zulkifli, N., Hamzah, M. I., & Razak, K. A. (2020). Isu dan cabaran penggunaan MOOC dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 10(1), 78-95.